

BERITA ONLINE
UTUSAN MALAYSIA
TARIKH: 21 MAC 2022 (ISNIN)



BERITA | **NASIONAL** | **TERKINI**

Fenomena ekuinoks Malaysia berlaku lebih lewat

INFO 96: Ekuinoks Mac
21 Mac 2022, Isnin:
Masa siang dan malam yang sama panjang.

A diagram showing the Earth's rotation. A large yellow circle on the left represents the Sun, with arrows labeled "The Sun's Rays" pointing towards the Earth. The Earth is shown from a side-on perspective, with its "Rotation Axis" and "North Pole" labeled. A horizontal line through the center of the Earth is labeled "Equator". The diagram illustrates how the Earth rotates on its axis, with the Sun's rays hitting different parts of the planet at different times, creating day and night.

Pada Isnin, 21 Mac 2022, Matahari akan berada betul-betul di atas garisan Khatulistiwa pada sepanjang hari tersebut yang dikenali sebagai peristiwa ekuinoks. Ketika itu, seluruh dunia akan mengalami masa siang dan malam yang sama panjang iaitu, 12 jam siang dan 12 jam malam. Bagi kawasan-kawasan yang betul-betul berada di atas garisan Khatulistiwa seperti di Pontianak, Indonesia dan Quito, Ecuador, akan berlaku waktu tengahari "tanpa bayang".

Peristiwa tengahari tanpa bayang di Malaysia pula akan berlaku sedikit lewat selepas ekuinoks seperti di Kota Tinggi akan berlaku pada 25 Mac 2022, di Kuala Lumpur & Putrajaya pada 28 Mac 2022 dan di Kuala Terengganu pada 3 April 2022.

PUTRAJAYA: Warga Lembah Klang dijangka hanya dapat menyaksikan fenomena ekuinoks atau tengah hari tanpa bayang yang berlaku lewat beberapa hari dan bukannya esok.

Menurut kenyataan Jabatan Mufti Negeri Selangor, peristiwa awal musim bunga itu dijangka terjadi berbeza tarikh di Semenanjung Malaysia pada akhir minggu ini dan juga minggu depan.

"Di ibu negeri Selangor, Shah Alam, fenomena alamiah falak tahunan itu akan berlaku pada 28 Mac manakala di Balai Cerap Selangor, Sabak Bernam, ia bakal berlaku pada 30 Mac ini," katanya.

Kenyataan ringkas itu sebagai merujuk hantaran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang disiarkan menerusi laman sosial rasmi Planetarium Negara Kuala Lumpur pada kelmarin yang menyatakan bahawa ekuinoks berkenaan akan dapat dirasai di Kota Tinggi, Johor pada 25 Mac sementara Putrajaya pada 28 Mac dan Kuala Terengganu, Terengganu pada 3 April ini.

Ekuinoks musim bunga kelazimannya berlaku pada 21 Mac setiap tahun apabila matahari akan terbit di garisan lintang imaginasi bumi yang dikenali sebagai Khatulistiwa iaitu di 0 darjah.

Berdasarkan kiraan sains astronomi, penampakan matahari akan kelihatan terbit seperti biasa tepat pada kedudukan 90 darjah Timur dan kemudian terbenam pula pada 270 darjah Barat.

Pada waktu tersebut, tempat yang berada di garisan tersebut antaranya Pontianak, Indonesia dan Quito, Ecuador akan mengalami keadaan waktu tengah hari tanpa ada bayang langsung.

Ketika tarikh tersebut, seluruh dunia akan menghadapi tempoh masa siang dan malam yang sama panjang iaitu masing-masing genap sebagai 12 jam siang dan baki 12 jam lagi malam.

Fenomena ini akan berlaku sekali lagi pada 22 September ini yang dikenali sebagai ekuinoks musim luruh dan peristiwa sebegini menjadi tumpuan ramai khususnya pelancong asing. – UTUSAN